
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April 2006

BGT 313/3 – Entomologi Pertanian, Hutan dan Hasil Simpanan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

...2/-

1. Rancangkan satu program pengawalan perosak bersepada yang sesuai untuk mengawal serangga-serangga pemakan cecair daun, pokok dan buah padi.

(20 markah)

2. [a] Mengapakah kawalan kimia lebih kerap digunakan untuk mengawal perosak sayur-sayuran.

(5 markah)

- [b] Apakah kombinasi kaedah-kaedah kawalan yang boleh mengawal empat spesies perosak dari famili Pyralidae yang menyerang spesies sayuran yang sama atau pun berlainan.

(15 markah)

3. Huraikan kerosakan yang dilakukan oleh spesies-spesies berikut pada perumah masing-masing.

- [a] *Metisa plana*
- [b] *Valanga nigricornis*
- [c] *Cosmopolites sordides*
- [d] *Cryptorrhynchus mangiferae*
- [e] *Adoretus compresus*

(20 markah)

4. *Oryctes rhinocerus* dan *Conophormorpha caramerella* adalah masing-masing perosak utama kelapa sawit dan koko. Bagaimanakah perosak-perosak ini menyerang perumah masing-masing dan apakah kaedah kawalan yang sedang dan boleh dijalankan untuk mengawal keduanya.

(20 markah)

- 3 -

5. Huraikan kerosakan yang dilakukan pada perumah masing-masing dan kaedah-kaedah kawalan yang efektif dan praktikal untuk mengawal perosak-perosak berikut:

- [a] *Rhizopertha dominica*
- [b] *Lassioderma serricorne*
- [c] *Ephestia cautella*
- [d] *Tribolium castaneum*
- [e] *Necrobia rupifex*

(20 markah)

6. Anda merancang untuk menanam sayuran di sebidang tanah berhampiran dengan kebun buah-buahan yang ditanam dengan belimbing, papaya dan nangka. Berikan penjelasan tentang pemilihan jenis sayuran yang anda akan tanam dan apakah kaedah-kaedah kawalan yang perlu anda rancang untuk mengawal lalat buah yang menyerang tanaman di situ.

(20 markah)

- ooo O ooo -